

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 24 MEI 2006, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 12**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1131-L734  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan usaha dan inisiatif yang akan segera diambil untuk menentukan faktor pengeluaran terpenting dalam sektor pertanian iaitu TANAH tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan program pertanian. Adakah Kerajaan-Kerajaan negeri senada dengan Kerajaan pusat untuk menjadikan sektor pertanian ketiga terpenting dalam penjana ekonomi negara. Apakah tindakan dan langkah yang sedang diambil untuk menyatukan dasar Kerajaan negeri dengan matlamat RMK-9.
2. PN-1131-L657  
**Dato' Omar bin Faudzar** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan mengapakah elaun tambahan untuk JKKK hanya diperuntukkan kepada pengerusi sahaja.
3. PN-1131-L512  
**Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi mengatasi kemelut penyakit kuku dan mulut (FMD). Adakah sistem kuarantin yang ada memadai. Memandangkan RMK-9 memperuntukkan kewangan bagi 5 Halal Hub serta Kawasan Lembah Lembu Daging, penyakit ini membantutkan usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai Halal Hub Dunia.
4. PN-1131-L499  
**Tuan Chiam Yong Tee** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil untuk mengatasi kesesakan di wad-wad hospital Kerajaan di seluruh negara.

5. PN-1131-L586  
**Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah drastik yang diambil untuk membendung masalah penyalahgunaan najis dadah yang semakin hari semakin bertambah di kalangan golongan remaja.
6. PN-1131-L482  
**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan perubahan-perubahan terkini struktur pelaburan bagi membolehkan serta meningkatkan daya saing negara sebagai destinasi pelaburan pilihan asing dan adakah perubahan ini memberi impak positif dalam persaingan dengan negara jiran dari segi tarikan pelaburan asing.
7. PN-1131-L637  
**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah pemegang-pemegang lesen memandu kenderaan antara tahun 2001 hingga 2005 mengikut kaum dan jantina bagi kategori semua kenderaan mengikut semua kelas termasuk motosikal dan nyatakan strategi yang lebih berkesan bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya yang semakin membimbangkan.
8. PN-1131-L576  
**Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad** minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan mengapakah tiada usaha dilakukan agar semua media elektronik bergabung dalam mempromosikan sesuatu agenda Kerajaan bagi mendatangkan kesan yang lebih mendalam dan cepat dalam mempromosikan sesuatu agenda negara dan tidak hanya dibebankan kepada RTM semata-mata.
9. PN-1131-L469  
**Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapa Kerajaan masih belum mewujudkan jawatan pegawai untuk menjaga penduduk ladang seperti mana yang telah wujud untuk kampung (Ketua JKKK) dan juga bagi kampung Baru (Pegawai Kemajuan Perkampungan).
10. PN-1131-L368  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah Kerajaan menggubal satu akta khusus mengenai kawasan tadahan air untuk menangani masalah pencerobohan di kawasan tadahan air memandangkan fenomena pencerobohan di kawasan tadahan air semakin banyak berlaku di seluruh negara walaupun beberapa akta yang ada boleh diguna pakai seperti Akta Perhutanan Negara (1984) dan Akta Kualiti Alam Sekeliling (1974).

11. PN-1131-L504  
**Dato' Dr. Chin Fook Weng** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah negara merancang untuk mengatasi masalah kenaikan harga minyak pada tahun 2006 sekiranya ia berlaku memandangkan Kerajaan sudah memutuskan bahawa rakyat tidak akan dikenakan bebanan akibat daripada kenaikan harga minyak.
12. PN-1131-L450  
**Tuan Lee Sing Chooi** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga untuk mendaftar hasil R & D mereka yang berkaitan dengan kesihatan, apakah langkah-langkah yang diambil supaya hasil R & D tempatan ini dapat dikomersialkan dengan cepat atau lebih cepat jika dibandingkan dengan prosedur negara-negara ASEAN atau negara-negara maju.
13. PN-1131-L274  
**Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah kes penipuan oleh agen hartanah haram pada tahun 2005. Apakah modus operandi mereka dan langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.
14. PN-1131-L320  
**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan berapa banyakkah kejadian salah laku di sekolah yang membawa kepada kematian di seluruh negara. Bagaimanakah Kementerian mengatasi masalah ini.
15. PN-1131-L344  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penagih dadah sebenarnya di negara ini jika sekiranya kenyataan yang dibuat oleh seorang Pegawai Tinggi Kementerian Belia Dan Sukan tidak boleh diterima sebagai Betul.
16. PN-1131-L217  
**Tuan Chua Kim Chuan** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk membina lebih banyak marina awam memandangkan industri kapal layar semakin berkembang pada masa sekarang.
17. PN-1131-L233  
**Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kelemahan dalam kaedah penswastan dan pengkorporatan Jabatan Kerajaan, terutama dalam pemberian tender dan sebut harga kepada syarikat bumiputera, MAS, TNB, POS, TM, SYABAS dan GLC's umpamanya tidak lagi mengikut garis panduan Kementerian Kewangan yang mengutamakan penyertaan syarikat bumiputera malah tidak mengamalkan konsep tender terbuka bahkan mengamalkan pemberian tender kepada beberapa syarikat tertentu sahaja yang ada sesetengahnya mempunyai kaitan dengan Ahli Lembaga Pengarah. Bagaimanakah yang dikatakan GLC's boleh membantu membangunkan syarikat bumiputera.

18. PN-1131-L393  
**Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan taraf hidup orang asli di kawasan pedalaman selain daripada memberi rumah PPRT dan Elektrik Solar.
19. PN-1131-L528  
**Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah prinsip-prinsip Islam telah dihayati sepenuhnya dalam pentadbiran negara.
20. PN-1131-L404  
**Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad** minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh mana nilai-nilai murni yang sepatutnya diterapkan kepada pelajar melalui proses pengajaran dan pembelajaran merentasi kurikulum di sekolah berjaya membentuk individu-individu yang berakhlak, melahirkan pelajar yang berdisiplin dan mempunyai etika yang mulia serta membasmi penglibatan pelajar dalam kegiatan gengsterisme, vandalisme, peras ugut, mengancam atau memukul dan mencederakan pelajar atau guru, berjudi serta menggunakan kata-kata lucah dan kegiatan-kegiatan lain yang tidak mencerminkan amalan nilai murni.
21. PN-1131-L687  
**Tuan Munusamy a/l Mareemuthu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengapakah urusan pemprosesan bagi permohonan PERKESO mengambil masa yang lama sehingga pemohon terpaksa menunggu beberapa tahun. Nyatakan dengan terperinci apakah prosedur-prosedur yang ditetapkan untuk mendapat kelulusan permohonan bantuan PERKESO oleh seseorang ahli yang telah mengalami kemalangan.
22. PN-1131-L136  
**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed** minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan tema, konsep dan perancangan Tahun Melawat Malaysia 2007 yang bertujuan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia di mana kempen ini meletakkan sasaran kehadiran sebanyak 20.1 juta pelancong.
23. PN-1131-L783  
**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dirangka oleh Kementerian bagi menjalankan usahasama antara universiti tempatan dan kolej-kolej swasta bagi membangunkan lagi mutu pendidikan.

24. PN-1131-L679  
**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam Rancangan Malaysia Ke-9, apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi peluang yang diberi kepada bumiputera tidak diabaikan dan maknanya peluang yang diberi kepada bumiputera itu digunakan sepenuhnya bukan sekadar hanya untuk mendapatkan lesen kemudian diberi kepada orang lain untuk mengusahakannya.
25. PN-1131-L414  
**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang patut diambil oleh Kementerian dalam menyediakan rumah mampu beli dari segi kualiti, ketetapan masa dan harga yang berpadanan. Adakah penempatan untuk rumah-rumah setinggian yang telah dirancang oleh Kementerian untuk semua negeri memandangkan terdapat banyak rumah didirikan di sepanjang jajaran sungai. Ianya tumbuh bagai cendawan selepas hujan, sedangkan merekalah yang menyebabkan pencemaran air dan mencacatkan pemandangan.
26. PN-1131-L602  
**Datuk Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah rancangan jangka pendek dan panjang Kementerian agar dapat memenuhi keperluan penuh doktor dan jururawat (nurse) yang mencukupi di kesemua bidang di seluruh hospital dan klinik Kerajaan di negara kita.
27. PN-1131-L254  
**Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya** minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana Malaysia telah dilengkapi dengan wilayah broadband.
28. PN-1131-L610  
**Datuk Ratnam a/l Muthiah** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan berikutan harga getah di pasaran yang semakin meningkat, adakah Kementerian akan menggalakkan pekebun-pekebun kecil dan ladang supaya menanam getah secara besar-besaran seperti dahulu dan apakah sumbangan ataupun insentif Kementerian terhadap pekebun yang ingin menanam semula getah.
29. PN-1131-L626  
**Dato' Rhina Bhar** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengambil tindakan untuk mendirikan Mahkamah Keluarga di negeri-negeri lain selain daripada Wilayah Persekutuan.
30. PN-1131-L662  
**Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang cadangan untuk memperuntukkan 30% daripada projek-projek Kementerian diberikan kepada bekas-bekas tentera dan berapa peratuskah yang telah diberikan setakat ini.

31. PN-1131-L338  
**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk menyelamatkan tulisan Jawi.
32. PN-1131-L187  
**Tuan Tan Bon You** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana pencapaian Kempen Membaca dan penubuhan Perpustakaan Awam khususnya di kawasan kampung-kampung baru di seluruh negara.
33. PN-1131-L378  
**Tuan Osman bin Bungsu** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan -
- (a) Statistik Saman Ekor yang telah dikeluarkan oleh JPJ dan Polis sejak 2004-2005; dan
  - (b) adakah saman ekor ini masih relevan dan apa langkah yang efektif dalam menangani masalah ini.
34. PN-1131-L749  
**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan falsafah di sebalik Dasar Pertumbuhan dengan Pengagihan seperti yang jelas ternyata di bawah Teras Ketiga RMK-9. Yakinkah Kerajaan yang dasar sedemikian yang memberi tekanan kepada pengagihan kekayaan dan peluang kepada semua yang akhirnya menjadi fakta penentuan hidupnya keharmonian dan perpaduan dalam masyarakat yang majmuk dan berbilang kaum difahami semua.
35. PN-1131-L413  
**Tuan Tay Puay Chuan** minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan mengapa hanya Ketua Polis Daerah sahaja yang diwajibkan untuk menghadiri kursus Hak Asasi Manusia dan Pegawai Penyiasat di kecualikan daripada menghadiri kursus tersebut.
36. PN-1131-L696  
**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan oleh pihak Kementerian untuk memastikan bahawa kontraktor kecil dan sederhana tidak terpinggir dalam arus pembangunan perdana terutama dalam pelaksanaan RMK-9.

## ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

### 1. **YAB. Perdana Menteri** akan mencadangkan:-

“Bahawa Dewan ini,

**menyedari** akan pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi yang baik semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelapan di sebalik persekitaran global yang begitu mencabar;

**merestui** usaha Kerajaan untuk melaksanakan Misi Nasional sebagai rangka dasar dan pelaksanaan pembangunan yang terdiri daripada lima teras utama bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

**meluluskan** Rancangan Malaysia Kesembilan yang merangkumi strategi, program dan peruntukan yang diperlukan bagi tujuan untuk merealisasikan Misi Nasional dan menjadikan Malaysia sebuah Negara yang lebih maju, saksama dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2006;

**bahawa** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman dan iltizam yang teguh untuk membangunkan Negara bersama-sama Kerajaan ke arah menjadi Negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.”

### **Menyambung semula Perbahasan atas masalah [ 23 Mei, 2006 ]**

2.	(D.R. 7/2006)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2005) 2006	<b>Bacaan Kali Yang Kedua</b>
3.	(D.R. 5/2006)	Rang Undang-undang Industri Perkhidmatan Air 2006	“
4.	(D.R. 4/2006)	Rang Undang-undang Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006	“
5.	(D.R. 8/2006)	Rang Undang-undang Paten (Pindaan) 2006 ;	“
6.	(D.R. 9/2006)	Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2006;	“
7.	(D.R. 3/2006)	Rang Undang-undang Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006;	“
8.	(D.R. 6/2006)	Rang Undang-undang Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006;	“
9.	(D.R. 26/2005)	Rang Undang-undang Makanan (Pindaan) 2005; dan	“
10.	(D.R. 2/2006)	Rang Undang-undang Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia 2006.	“

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

<b><u>TAHUN 2006</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
ST.44	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	24 Mei 2006
ST.45	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	24 Mei 2006
ST.46	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Johor Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	24 Mei 2006
ST.47	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	24 Mei 2006
ST.98	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	24 Mei 2006
ST.99	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	24 Mei 2006